

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]**

**SOALAN**

**TUAN WONG TACK** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan tanah adat Orang Asli tidak dirampas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkara berkaitan perizaban tanah kepada masyarakat Orang Asli ada dinyatakan secara umum pada perkara 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang tiada mana-mana perundangan bertulis yang mengiktiraf tanah adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Menyedari tuntutan dan kepentingan tanah adat kepada masyarakat Orang Asli, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah diamanahkan untuk menjalankan kajian sosial dan definisi Tanah Adat sebelum satu undang-undang khusus digubal mahupun pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dilaksanakan bagi mengiktiraf Tanah Adat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Buat masa ini, bagi menyelesaikan isu berkenaan hak tanah Orang Asli yang masih tidak selesai serta sering dicerobohi, Kerajaan secara konsisten melaksanakan kerja-kerja ukur dan mengangkat permohonan pewartaan tanah untuk pertimbangan dan kelulusan pihak Berkuasa Negeri (PBN). Rundingan, penyelarasan data dan semakan berterusan di antara JAKOA dengan Kerajaan Negeri diadakan secara berkala bagi menjamin hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli terhadap tanah tetap terpelihara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN WONG TACK (BENTONG)**

**SOALAN**

**TUAN WONG TACK [ BENTONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelanggan dan jumlah bayaran diterima oleh laman web Lawnet e-Gazette Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) untuk setiap tahun sejak ia dilancarkan. Adakah Kementerian bersetuju bahawa orang ramai mempunyai hak untuk mengakses Warta Kerajaan secara percuma.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bentong, laman web Lawnet e-Gazette adalah perkhidmatan langganan pengkalan data Warta Kerajaan secara berbayar yang disediakan oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), sebuah syarikat swasta bukan milik Kerajaan. Warta Kerajaan juga boleh diakses oleh orang awam daripada laman web Jabatan Peguam Negara (AGC) secara percuma. Memandangkan PNMB adalah syarikat swasta, Kementerian tiada maklumat mengenai jumlah pelanggan Lawnet e-Gazette (e-warta) atau jumlah bayaran yang diterima oleh PNMB atas perkhidmatan ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SEGAMBUT)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sementara menunggu pindaan perlembagaan dilakukan, adakah Kementerian mempunyai pelan strategi dengan tempoh masa tertentu untuk menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap isu kesamarataan jantina dan kepentingan anak-anak disebabkan ramai ibu warganegara Malaysia yang mempunyai anak bukan warganegara sering menghadapi pelbagai cabaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri bersimpati dengan kes-kes ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara kerana perlembagaan tidak memperuntukkan untuk anaknya diberikan taraf kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang. Namun demikian, Kementerian terikat dengan Perlembagaan dan perundangan sedia ada dalam negara berhubung dengan kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan Persekutuan pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf Bukan Warganegara adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan serta peraturan imigresen.

Bermula pada tahun 2010, bagi memudahkan urusan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan, permohonan boleh di buat di mana-mana pejabat perwakilan Malaysia di luar negara bagi kanak-kanak yang berumur tidak melebihi satu tahun ketika permohonan dibuat.

Selain daripada itu, Kementerian bercadang untuk membawa perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan untuk meminda perlembagaan bagi pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara secara kuat kuasa undang-undang. Dalam masa yang sama perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.